

Media Title : Utusan Borneo Sabah
Headline : Pesara jururawat rugi lebih RM111,000 ditipu individu menyamar penjawat awam
Date : 6 June 2025
Section : Iklaneka
Page : 7



Pesara jururawat rugi lebih RM111,000 ditipu individu menyamar penjawat awam

KUANTAN: Seorang pesara jururawat kerugian lebih RM111,000 selepas diperdaya individu yang menyamar sebagai pegawai polis dan kakitangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Ketua Polis Pahang Datuk Sri Yahaya Othman berkata mangsa wanita berusia 72 tahun, menerima panggilan daripada individu menyamar sebagai wakil MCMC pada 29 Mei, yang mendakwa seorang suspek pengubahan wang haram bernama ‘Ong We Kiat’ telah memasukkan RM210,000 ke dalam akaunnya.

“Panggilan tersebut kemudiannya disambungkan kepada

seorang individu lain yang menyamar sebagai ‘Inspektor Zamri’ dari Ibu Pejabat Kontinjen Pahang, yang mengarahkan mangsa menyerahkan semua kad bank miliknya serta tidak membenarkannya memaklumkan perkara itu kepada seseapa,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Yahaya berkata, mangsa telah menyerahkan kad bank berserta nombor PIN dengan meletakkannya dalam bungkusan di hadapan halaman rumah untuk diambil oleh individu yang kononnya anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah Bentong.

Beliau berkata, mangsa meny-

edari ditipu selepas membuat semakan di bank dan mendapati baki wang simpanannya berjumlah RM111,044.64 telah lesap.

Sementara itu, Yahaya menasihati orang ramai yang menerima panggilan meragukan agar segera membuat semakan dengan pihak polis atau agensi kerajaan berkenaan bagi mengelakkan dari menjadi mangsa penipuan.

“Masyarakat juga diingatkan sentiasa peka terhadap trend penipuan dalam talian terkini kerana modus operandi penjenayah sentiasa berubah dan semakin canggih, terutama dengan perkembangan teknologi,” katanya. — Bernama